

Headline **1 Orang 1 Pokok pupuk kesedaran alam sekitar**
Date **20 Apr 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **57 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **842**
PRValue **2,526**



1 Orang 1 Pokok pupuk kesedaran alam sekitar

KUALA LUMPUR: Bagi mengurangkan kerosakan dan bencana alam di negara ini, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menerusi Biro Warisan Alam Hijau PPIM akan mengadakan aktiviti ke arah kehijauan melalui Program 1 Orang 1 Pokok disertai pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Penasihat PPIM, Tunku Azwil Tunku Abdul Razak, berkata, ia sempena sambutan Hari Bumi, Jumaat ini.

Katanya, antara pengisian program itu adalah memupuk kesedaran di kalangan generasi muda mengenai kepentingan tumbuh-tumbuhan yang membekalkan oksigen serta usaha meng-hijaukan alam sekitar.

“PPIM sudah memohon tajaan benih pokok dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) untuk ditanam pelajar sekolah dan mahasiswa IPT yang terpilih di sekitar Lembah Klang,” katanya.